

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
[ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO.**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan baharu untuk mengembangkan industri tenusu tempatan. Berapa jumlah penternak tenusu, bilangan lembu tenusu dan kuantiti susu yang dihasilkan setahun untuk memenuhi keperluan tempatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan industri tenusu merupakan salah satu keutamaan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) seperti dalam Halatuju MOA: Prioriti dan Strategi tahun 2019-2020. Fokus diberikan terhadap industri ini melalui inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran susu negara di bawah strategi ketiga iaitu peningkatan pengeluaran dalam subsektor ruminan.

2. Program Pembangunan Industri Tenusu Negara yang dilaksanakan adalah merangkumi aktiviti pembiakbakaan, tanaman makanan ternakan khususnya napier, transformasi usahawan tenusu dan peningkatan kualiti susu. Projek rintis telah bermula di Lembah Tenusu Muadzam yang melibatkan penternak-penternak dari negeri Pahang, Negeri Sembilan, Johor, Selangor dan Perak.

3. Program ini mensasarkan tambahan pengeluaran susu negara sebanyak 20 juta liter untuk tempoh 5 tahun sehingga tahun 2022. Antara inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan di bawah program ini adalah seperti berikut: -

- i. program pembiakbakaan baka tempatan bagi pemantapan baka lembu tenusu tempatan seperti baka Mafriwal melalui kaedah pembiakbakaan dan pemilihan baka yang mempunyai prestasi pengeluaran susu yang tinggi;
  - ii. program transformasi usahawan berskala besar bagi membantu memperkukuhkan prestasi pengeluaran susu bagi usahawan tenusu di sepanjang rantai nilai industri dengan memperkenalkan insentif pembelian lembu tenusu dan tangki susu secara *reimbursement*; dan
  - iii. program pembangunan tanaman rumput napier sebagai sumber bagi ternakan lembu tenusu bagi memastikan bekalan makanan mencukupi dan dapat dibekalkan secara berterusan melalui pembuatan silaj mahupun secara segar.
4. Sehingga kini, terdapat seramai 764 penternak tenusu merangkumi 76 orang penternak komersial, 91 orang penternak semi-komersial dan 597 orang penternak kecil melibatkan populasi lembu tenusu sebanyak 33,508 ekor di seluruh negara. Pengeluaran susu segar bagi tahun 2017 adalah sebanyak 37.9 juta liter, dan anggaran pengeluaran pada tahun 2018 adalah 40.4 juta liter dan tahap kadar sara diri 61.44%.

Sekian, terima kasih.